



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/08/78 (HQ)**

### **TNB BAIKI RUMAH MILIK TAN SENG BEE BAWAH PROJEK MESRA RAKYAT**

Kehidupan Encik Tan Seng Bee, 51 tahun, kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Chui Chak, Langkap, Perak menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Negeri Perak 2016.

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih berdinding rumah yang baru, membaiki siling rumah, membina tandas dan dapur yang baru. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja mengecat semula dinding luar dan dalam rumah.

Rumah Encik Tan Seng Bee yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Negeri Perak, Y.B. Dato' Zainol Fadzi Paharudin merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sg. Manik.

Ketua Jurutera Negeri (Perak), Y.M. Raja Abd. Jalil Raja Zaid dalam ucapannya berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Peringkat Negeri Perak telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk dibaik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Kampung Baru, Slim River dan Encik Tan Seng Bee di Kampung Chui Chak, Langkap, Perak.

**Dikeluarkan di Langkap, Perak pada 11 Ogos 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) atau  
Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*